

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**JMK 211 – Kritikan Kesusastraan dan Disiplin Bantu**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

### BAHAGIAN A (40 markah)

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja dari bahagian ini.

1. (a) Siapakah Plato? Huraikan secara ringkas pandangan beliau terhadap penyair.
- (b) Apakah cakupan sastera bandingan dan kelebihannya?
- (c) Mengapa timbulnya polemik Sastera Islam antara Shahnon Ahmad dan Kassim Ahmad?
- (d) Bincangkan aspek penekanan pendekatan struktur.
- (e) Antara penekanan pendekatan sosiologi ialah persekitaran. Jelaskan perkaitan ini dengan merujuk kertas kerja Azizi Haji Abdullah ‘‘Proses Penulisan Novel’’ dalam Seminar Sastera Melayu (27 Nov. 2007, USM).

(40 markah)

### BAHAGIAN B

Jawab dan pilih mana-mana TIGA (3) soalan.

2. Pendekatan struktural merupakan pendekatan yang boleh berdiri sendiri. Dengan merujuk mana-mana satu karya, bincangkan hal ini dengan jelas.

(20 markah)

3. Novel-novel A. Samad Said banyak memaparkan peristiwa yang berlaku dalam masyarakat. Justeru itu novel-novel ini sesuai dianalisis dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Buktikan kenyataan ini dengan merujuk salah sebuah novel A. Samad Said.

(20 markah)

4. Kritikan feminis memberi tumpuan kepada pelakuan dan imej watak wanita. Dengan merujuk mana-mana satu novel, terapkan pendekatan ini secara berkesan.

(20 markah)

5. Pendekatan psikologi memberi penekanan kejiwaan watak. Dengan merujuk mana-mana karya yang telah anda kaji, terapkan pendekatan ini secara berkesan.

(20 markah)